

09 AUG 1997

Mahathir-Rasuah

BN SETUJU PERANGI RASUAH

KUALA LUMPUR, 9 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata ketua-ketua parti komponen Barisan Nasional (BN) hari ini bersetuju supaya tindakan undang-undang diambil terhadap mana-mana pemimpin dan anggota BN yang didapati terlibat dengan rasuah.

Beliau berkata mereka terpaksa menerima hakikat bahawa mereka akan disiasat dan jika ada bukti, mereka akan dihadapkan ke mahkamah mengikut Akta Pencegahan Rasuah yang baru diluluskan di Parlimen.

"Kita nak mendirikan kerajaan BN yang bersih. Dan untuk ini kita tidak ada pilih kasih," kata Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN pada persidangan berita selepas mempengerusikan mesyuarat BN di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Antara yang hadir pada mesyuarat itu ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yang juga Timbalan Presiden Umno, Setiausaha Agung BN Datuk Mohamed Rahmat, Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, Presiden MIC Datuk Seri S.Samy Vellu dan Presiden parti Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik.

Dr Mahathir berkata tindakan undang-undang akan diambil terhadap mereka yang terlibat tanpa mengira kedudukan mereka dalam BN.

Tindakan juga akan diambil terhadap mereka tanpa mengira persahabatan mereka dengan mana-mana pihak, kata Perdana Menteri.

Beliau juga berkata BN tidak perlu menubuhkan sebuah jawatankuasa untuk memerangi amalan rasuah di kalangan anggota BN.

-- BERNAMA

ES AHH